

14 Jun 2021 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) selaku penganjur Festival Filem Malaysia ke-31 (FFM31) secara rasminya membuka penyertaan untuk filem-filem tempatan yang layak bertanding bagi kategori-kategori yang telah ditetapkan bermula pada 15 Jun 2021 sehingga 15 Julai 2021 jam 12:00 tengah hari. Penganjuran FFM31 yang dijangka berlangsung pada bulan Oktober 2021 melibatkan penyertaan filem cereka berdasarkan kepada syarat-syarat utama seperti berikut:

1. Filem cereka tempatan yang dikeluarkan di Malaysia **DAN** mendapat kelulusan Lembaga Penapisan Filem (LPF) bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 untuk tayangan di pawagam Malaysia dalam format DCP/35mm/format digital **DAN** tempoh masa tayangan sekurang-kurangnya 60 minit.
2. Filem yang belum pernah menyertai siri Festival Filem Malaysia **DAN** filem-filem yang ditayangkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 sahaja.
3. Pengeluar Filem hendaklah mempunyai Lesen Pengeluaran Filem dari FINAS, melainkan mereka yang dikecualikan di bawah Seksyen 34A Akta FINAS 1981 (salinan fotokopi lesen berkenaan hendaklah disertakan). Bagi syarikat yang telah memohon tetapi lesen masih belum diperolehi, pemohon boleh berikan nombor rujukan fail FINAS yang berkenaan.

Kategori-kategori yang dipertandingkan bagi FFM31 adalah seperti berikut:

1. Filem Terbaik
2. Pengarah Terbaik
3. Pengarah Harapan

4. Pelakon Lelaki Terbaik
5. Pelakon Wanita Terbaik
6. Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik
7. Pelakon Pembantu Wanita Terbaik
8. Pelakon Kanak-Kanak Terbaik
9. Pelakon Lelaki Harapan
10. Pelakon Wanita Harapan
11. Lakon Layar Terbaik
12. Cerita Asal Terbaik
13. Sinematografi Terbaik
14. Penyunting Terbaik
15. Skor Muzik Asal Terbaik
16. Penataan Seni Terbaik
17. Penataan Bunyi Terbaik
18. Lagu Tema Terbaik
19. Rekaan Busana Terbaik
20. Kesan Khas Visual Terbaik
21. Tatarias Terbaik
22. Poster Terbaik

Untuk butiran lanjut, syarat penyertaan dan muat turun borang penyertaan FFM31 ini boleh didapati menerusi pautan <https://www.finas.gov.my/ffm31> Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Jawatankuasa Penyertaan dan Penjurian FFM31 menerusi talian 03-7968 2137 / 2110 / 1129 / 012-9155220 (Puan Norasikin Salikin) / 011-23387665 (Encik Mohd Farid Azlam) dan emel di penjurianffm31@finas.my.